

KERJA-KERJA pembersihan kawasan Sekolah Kebangsaan (SK) Kiau, Kota Belud giat dijalankan dengan kerjasama penduduk kampung dan kakitangan sekolah selepas dilanda banjir lumpur.



PENDUDUK melihat aliran sungai. Kadamaian selepas kejadian banjir lumpur di Kampung Kiau.

GURU SK Kiau, Kolnah Selim meninjau keadaan rumah guru yang didiaminya selepas dilanda banjir lumpur berhampiran SK Kiau.

Gelombang lumpur

211 penduduk Kampung Mesilau pindah ke dewan

Oleh **Junaidi Ladjana**
junaidi_ladjana@hme-
tro.com.my
Ranau

“Aliran sungai yang deras dan berwarna coklat menyebabkan jambatan menghubungkan pekan ini ke Pusat Latihan Dakwah Islam Kundasang terputus,” kata Norasram Ramli, 32, seorang daripada 211 penduduk membabitkan 47 keluarga di Kampung Mesilau Kundasang, dekat sini, yang dikejutkan dengan kejadian banjir lumpur, petang kelmarin.

Susulan kejadian kira-kira jam 3 petang itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Ranau mengarahkan semua penduduk di Kampung Mesilau Kundasang, dekat sini, berpindah ke Dewan Mini Kundasang sebagai langkah berjaga-jaga.

Menceritakan detik cemas itu, Norasram berkata, ketika kejadian dia berada di rumahnya berhampiran Sungai Mesilau dan hanya menyedari kejadian itu sebaik mendengar jeritan penduduk kampung.

“Saya segera ke Sungai Mesilau kira-kira satu ki-

lometer dari rumah menaiki motosikal dan sebaik tiba di lokasi kejadian berhampiran jambatan menghubungkan pekan Kundasang ke Pusat Latihan Dakwah Islam Kundasang, saya lihat aliran air deras dan berlumpur.

“Saya kemudian mengambil gambar dan merakam kejadian itu dan satu gelombang air lumpur mengalir dengan dipenuhi bongkah batu dan serpihan pohon kayu besar menyebabkan saya dan beberapa penduduk kampung menyelamatkan diri.

“Pada masa sama, saya melihat jambatan itu terputus dua manakala beberapa tiang elektrik patah dibawa arus deras dengan dipenuhi bongkah batu dan serpihan pohon kayu besar,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, bimbang arus deras semakin ganas dia bersama penduduk kampung yang lain meninggalkan lokasi berkenaan bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

“Sebaik tiba di rumah, saya dimaklumkan oleh pihak bomba supaya berpindah kerana bimbang air lumpur akan melimpah sehingga ke kawasan kampung.

“Kira-kira jam 5 petang, saya bersama penduduk kampung kemudian berpindah ke kawasan yang disediakan iaitu di Dewan Mini Kundasang,” katanya.

Dalam pada itu, Pegawai Daerah Ranau Faimin Kamin berkata, penduduk di Kampung Mesilau terpaksa dipindahkan ke Dewan Mini Kundasang sebagai langkah berjaga-jaga susulan kejadian banjir lumpur di kawasan kampung berkenaan.

“Semua penduduk dipindahkan lewat petang kelmarin, selepas mendapat arahan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Ranau.

“Sehingga kini, semua mereka masih ditempatkan di Dewan Mini pekan

Kundasang kerana belum ada arahan daripada pihak keselamatan untuk mereka pulang ke kediaman masing-masing,” katanya ketika dihubungi.

Sehubungan itu, pihaknya meminta penduduk di sekitar kawasan yang terjejas supaya berhati-hati dan jika diarahkan berpindah oleh pihak keselamatan supaya mematuhi bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam JBPM Sabah Mohd Affendy Kamin berkata, laluan menghubungkan pekan ini dengan Pusat Latihan Dakwah Islam Kundasang, sehingga kini tidak boleh dilalui dan kerja pemantauan sedang dijalankan oleh anggota bomba.

Terdahulu, dalam kejadian kira-kira jam 3 petang kelmarin, hujan lebat melanda di sekitar daerah ini menyebabkan beberapa kampung berhampiran Sungai Mesilau dilanda banjir lumpur yang membawa bersama pohon kayu tumbang menyebabkan jambatan menghubungkan pekan ini ke Pusat Latihan Dakwah Islam Kundasang rosak namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

“Jambatan menghubungkan pekan ini ke Pusat Latihan Dakwah Islam Kundasang terputus”
Norasram